

# Dr M umum

# lantikan M

BH 17 JUL 1987

**KUALA LUMPUR, Jumaat**

**PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengumumkan perlantikan tujuh anggota Majlis Tertinggi (MT) dan lima Ketua Perhubungan Umno Negeri yang baru bagi tempoh 1987-1989.**

Tujuh anggota MT yang dilantik ialah Puan Napsiah Omar (Negeri Sembilan), Datuk Mohamad Rahmat (Johor), Datuk Seri Ramli Ngah Talib (Perak), Encik Ahmad Shahibuddin Mohd Noor (Kelantan), Datuk Khalid Abdullah (Kedah), Datuk Shamsuri Salleh (Pulau Pinang) dan Encik Mohamad Nor Mohamed Dom (Johor).

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengumumkan perlantikan semula Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Setiausaha Agung, Encik Daim Zainuddin sebagai Bendahari dan Senator Haji Hussein Ahmad sebagai Ketua Penerangan.

Semua anggota MT hari ini mengangkat sumpah taat setia, seorang demi seorang, kepada Umno dan MT, untuk menyimpan rahsia dan semua perbincangan MT.

Upacara mengangkat sumpah kali ini agak berbeza kerana sebelum ini ia dibuat secara beramai-ramai.

Sementara itu, lima Ketua Perhubungan Negeri yang baru termasuklah Encik Anwar Ibrahim, yang juga naib presiden parti, menggantikan Datuk Abdullah Ahmad Badawi sebagai Ketua Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang.

Yang lain ialah Datuk Khalil Yaakob (Pahang), Datuk Haji Muhammad bin Mohamad Taib (Selangor), Haji Muhyiddin Yassin (Johor) dan Dr Hamid Pawanteh (Perlis).

Ini bermakna, semua sembilan Menteri Besar dan seorang Ketua Menteri kini menjadi Ketua Perhubungan Umno Negeri, kecuali Pulau Pinang.

Mereka menggantikan Datuk Seri Mohamad Najib Tun Abdul Razak (Pahang), Datuk Haji Ahmad Razali Mohamed Ali (Selangor), Datuk Abdul Ajib Ahmad (Johor), dan Datuk Haji Ali Ahmad (Perlis).

Timbalan Presiden Umno, Encik Ghafar Baba, kekal sebagai Ketua Perhubungan Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Yaacob (Kelantan), Datuk Seri Osman Aroff (Kedah), Datuk Seri Ramli Ngah Talib (Perak), Datuk Seri Wan Mokhtar Ahmad (Terengganu), Datuk Mohamad Isa Abdul Samad (Negeri Sembilan) dan Datuk Seri Abdul Rahim Thamby Chik (Melaka).

Lapan Timbalan Ketua Perhubungan Negeri yang baru ialah Encik Shaari Jusoh (Perlis), Datuk Dr Yusof Noor (Terengganu), Datuk Sabbaruddin Chik (Pahang), Haji Abdul Razak Samah (Wilayah Persekutuan), Haji Khalid Yunus (Negeri Sembilan), Datuk Nasir Manap (Melaka), Datuk Mohamad Rahmat (Johor), Datuk Mohamad Arshad Abdullah (Perak) dan Datuk Khalid Abdullah (Kedah).

Datuk Seri Dr Mahathir mengumumkan perlantikan ini di sidang akhbar di bangunan Umno di sini selepas memengerusikan mesyuarat MT yang berlangsung selama sejam pagi ini.